



## Polisi Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar & 5S (HSEH)

GS Paperboard & Packaging Sdn Bhd, di Kuala Langat, Klang, Sungai Bakap dan Yangon (Myanmar); beriltizam untuk menjalankan semua operasi dengan penuh tanggungjawab, kearah pencegahan pencemaran, bebas dari bahaya yang dikenalpasti dan masalah kesihatan serta melindungi alam sekitar. Kami menghormati hak-hak kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan 5S (HSEH) pekerja, rakan-niaga, jiran-tetangga dan semua yang terlibat. Kami akan sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan dan syarat-syarat perniagaan serta lain-lain kewajipan berkaitan undang-undang yang berkaitan dengan HSEH di kawasan kami beroperasi.

Sebagai menyokong peningkatan berterusan dari Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) ini, kami memperuntukkan sumber-sumber kewangan, pengetahuan, teknologi dan infra-struktur bagi tujuan:

**G**arapan dan penjanaan objektif serta sasaran HSEH yang berkala dan seterusnya sentiasa menilai tahap pencapaian dan perlaksanaan sasaran tersebut.

**S**ecara bersistematik menghindar dan mengurangkan risiko ketara alam sekitar, keselamatan dan kesihatan perkerjaan yang dikenalpasti berkaitan dengan aktiviti, operasi, tempat kerja, produk dan servis kami.

**P**erancangan dan rekabentuk peralatan dan proses; untuk mengurangkan atau menghapuskan akibat buruk kepada keselamatan, kesihatan.

**P**romosi kepada kerjasama aktif di kalangan pekerja mahupun kontraktor untuk mencegah kemudharatan dan kemalangan industri serta menggalakkan program pencegahan pencemaran.

**H**indarkan pembaziran sumber-sumber alam melalui, penggunaan elektrik, air dan bahan galian yang effisien serta berusaha ke arah kitarsemula.

**S**entiasa berusaha untuk mengawal dan mengurangkan pembuangan effluent dan bahan buangan terjana dari aktiviti, produk dan servis syarikat kami.

**E**tika dan budaya yang dibentuk memastikan semua pekerjaan dijalankan dengan selamat, sihat dan mesra alam.

**H**adirkan nilai-nilai keinsanan di dalam pejabat dan kemudahan kilang yang mana kesihatan, keselamatan mesra alam menjadi sangat kondusif sehingga mencapai tahap menepati keperluan perniagaan.